

609- 'Abdullah bin Yusuf meriwayatkan kepada kami, katanya: Malik meriwayatkan kepada kami daripada 'Abdir Rahman bin 'Abdillah bin 'Abdir Rahman bin Abi Sha'sha'ah Al-Anshari Al-Mazini daripada ayahnya bahawa ia menceritakan kepadanya, sesungguhnya Abu Sa'id Al-Khudri berkata kepadanya, "Aku lihat kamu suka kambing dan lembah (pengembalaan).¹¹⁵⁹ Jika kamu sedang mengembala kambingmu atau berada di lembah, lalu kamu mengumandangkan azan shalat, maka keraskanlah suaramu. Kerana tidak ada yang mendengar suara mu'azzin, baik manusia, jin atau apapun dia, kecuali akan menjadi saksi kepadanya pada hari kiamat nanti."¹¹⁶⁰ Abu Sa'id (seterusnya) berkata, "Aku mendengarnya daripada Rasulullah s.a.w."

٦- بَابُ مَا يُحَقَّرُ بِالْأَذَانِ مِنَ الدِّمَاءِ

6- Bab Nyawa Terpelihara Kerana Azan.¹¹⁶¹

¹¹⁵⁹ Sesetengah pihak terkeliru (waham) di sini apabila ia mengatakan *إِنِّي أَرَاكَ تُحِبُّ الْغَنَمَ وَالْبَادِيَةَ* adalah marfu' (sebagai kata-kata Rasulullah s.a.w.). Padahal ia mauquf pada Abu Sa'id. Ertinya ia hanya kata-kata Abu Sa'id kepada perawi di bawahnya. Tidak lebih dari itu. Yang dikatakan oleh Abu Sa'id bahawa beliau mendengarnya daripada Rasulullah s.a.w. itu hanyalah sabda Baginda: *إِذَا أَذَنْتَ بِالصَّلَاةِ فَارْفَعْ صَوْتَكَ بِالنِّدَاءِ* dan seterusnya sahaja. Demikianlah kata al-'Aini dan al-Qasthallaani.

¹¹⁶⁰ Mungkin timbul tanda tanya dalam fikiran anda, bahawa untuk apakah semua benda menjadi saksi kepada mu'azzin, bukankah Allah telah berfirman di dalam al-Qur'an: *وَكَفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا* (Cukuplah Allah sebagai saksi)? Bukankah Allah mengetahui segala perkara? Lalu untuk apakah diperlukan saksi-saksi yang lain?? Ada dua jawabannya. (1) Untuk menyatakan keadilannya. (2) Untuk menyatakan kelebihan dan keistimewaan mu'azzin di hadapan khalayak ramai.

¹¹⁶¹ Azan adalah salah satu syi'ar Islam. Apabila azan dilaungkan di sesuatu tempat, terpeliharalah nyawa dan harta benda orang-orang yang berada di situ. Nabi s.a.w. selalunya bergerak pada waktu malam apabila hendak meyerang musuh. Tetapi Baginda akan menunggu hingga ke waktu Subuh. Tujuannya ialah supaya kanak-kanak, wanita dan orang-orang yang dilarang Islam membunuh mereka tidak menjadi mangsa, lantaran tidak dapat dibezakan pada waktu malam yang masih gelap gelita. Selain itu, mungkin juga di kawasan itu ada orang-orang Islam. Apabila masuk waktu Subuh dan suara azan kedengaran di situ, Nabi s.a.w. akan menangguk pula serangan, takut-takut nyawa orang-orang Islam terancam. Setelah dipastikan kedudukan orang-orang Islam yang terpisah daripada orang-orang kafir, barulah Baginda melancarkan serangan. Semuanya dilakukan selepas selesai bersembahyang Subuh. Suara azan menjadi penentu dalam mempercepatkan serangan terhadap musuh atau melewatkannya sedikit.

Tujuan Bukhari mengadakan bab ini ialah untuk menyatakan kelebihan azan secara lebih terperinci, setelah beliau mengadakan bab kelebihan azan sebelum ini secara umum (Lihat bab 4

٦١٠ - حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ قَالَ حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ جَعْفَرٍ عَنْ حُمَيْدٍ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا غَزَا بِنَا قَوْمًا لَمْ يَكُنْ يَغْزُو بِنَا حَتَّى يُصْبِحَ وَيَنْظُرَ فَإِنْ سَمِعَ أَذَانًا كَفَّ عَنْهُمْ وَإِنْ لَمْ يَسْمَعْ أَذَانًا أَغَارَ عَلَيْهِمْ قَالَ فَخَرَجْنَا إِلَى خَيْبَرَ فَانْتَهَيْنَا إِلَيْهِمْ لَيْلًا فَلَمَّا أَصْبَحَ وَلَمْ يَسْمَعْ أَذَانًا رَكِبَ وَرَكِبْتُ خَلْفَ أَبِي طَلْحَةَ وَإِنْ قَدِمِي لَتَمَسُّ قَدَمَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فَخَرَجُوا إِلَيْنَا بِمَكَاتِلِهِمْ وَمَسَاحِيهِمْ فَلَمَّا رَأَوُا النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالُوا مُحَمَّدٌ وَاللَّهِ مُحَمَّدٌ وَالْخَمِيسُ قَالَ فَلَمَّا رَأَاهُمْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ خَرِبْتُ خَيْبَرَ إِنَّا إِذَا نَزَلْنَا بِسَاحَةِ قَوْمٍ { فَسَاءَ صَبَاحُ الْمُنْدَرِينَ }

610- Qutaibah bin Sa'id meriwayatkan kepada kami, katanya: Isma'il bin Ja'far meriwayatkan kepada kami daripada Humaid daripada Anas bin Malik, bahawa Nabi s.a.w. jika hendak menyerang sesuatu kaum bersama kami, Beliau tidak akan menyerang kaum itu hingga masuk waktu Subuh. Jika kedengaran suara azan, serangan tidak akan dilancarkan. Tetapi jika tidak terdengar suara azan, Beliau menyerangnya.¹¹⁶² Anas bin

yang lalu, (باب فضل التأذين). Azan adalah satu ibadat. Ibadat pada umumnya dikehendaki dilakukan dalam keadaan tenang, dengan suara yang rendah, lembut dan lunak. Kadang-kadang tanpa suara langsung. Ia hanya merupakan pergerakan badan dan zikir di dalam hati sahaja. Berbeza dengan azan, kerana ia digalakkan dengan suara yang tinggi dan kuat. Walaupun ketika bersendirian di sahara atau di hutan belantara, ia tetap elok dikumandangkan dengan suara yang kuat. Rasulullah s.a.w. sendiri telah menyatakan sebabnya. Kata Baginda, "Kerana tidak ada yang mendengar suara mu'azzin, baik manusia, jin atau apapun ia, kecuali akan menjadi saksi kepadanya pada hari kiamat nanti." Pada pandangan Bukhari, ini adalah salah satu kelainan dan keistimewaan azan. Bukan itu sahaja keistimewaannya, melalui bab ini Bukhari menyatakan bahawa dalam keadaan perang azanlah yang menjadi penentu kepada keselamatan dan keterpeliharaan nyawa dan darah manusia. Dengan azan dapat diketahui ada orang Islam di sesuatu tempat. Dan sedia dima'lumi, bahawa darah dan harta benda orang Islam haram dicerobohi oleh orang Islam yang lain. Oleh kerana azan merupakan salah satu syi'ar Islam yang terpenting, para fuqaha' mengatakan, jika penduduk Islam di sesuatu kawasan bersepakat untuk tidak melaungkan azan, mereka mestilah diperangi oleh pihak berkuasa Islam. Demikian juga dengan syi'ar-syi'ar Islam yang lain, seperti bersunat (berkhitan), berkumpul untuk bersembahyang sunat Raya pada dua Hari Raya dan sebagainya. Meskipun ia hanya sunat menurut sesetengah 'ulama', tetapi oleh kerana ia merupakan syi'ar, bersepakat meninggalkannya mewajibkan masyarakat berkenaan diperangi. Mereka mestilah dipaksa melaksanakannya demi menjaga syi'ar Islam.

¹¹⁶² Inilah asas dan punca bagi tajuk bab yang dibuat Bukhari di atas. Oleh kerana ada juga individu dan qabilah yang telah memeluk agama Islam menetap di kawasan-kawasan yang majoriti penduduknya adalah bukan Islam, Nabi s.a.w. berpesan kepada para sahabat agar berhati-hati dalam keadaan itu. Sikap Rasulullah s.a.w. sendiri juga begitu. Baginda akan memastikan

Malik berkata, “Maka (pada suatu hari) kami keluar untuk menyerang (kawasan) Khaibar. Kami sampai kepada mereka pada waktu malam. Bila masuk waktu Subuh, Beliau s.a.w. tidak mendengar suara azan, maka teruslah Beliau menaiki tunggangannya, sementara aku membonceng di belakang Abu Thalhah. Kakiku benar-benar telah menyentuh kaki Nabi s.a.w.” Kata Anas (seterusnya), “Penduduk Khaibar keluar ke arah kami dengan membawa keranjang dan sekop-sekop mereka. Apabila nampak Nabi s.a.w., mereka berkata, “Muhammad! Demi Allah, Muhammad dan pasukan tenteranya yang lengkap¹¹⁶³ (telah datang)!” Kata Anas, “Ketika Rasulullah s.a.w. melihat mereka, Beliau mengucapkan: “Allahu Akbar, Allahu Akbar, hancurlah Khaibar!”¹¹⁶⁴ Sesungguhnya

terlebih dahulu, sama ada di kawasan yang akan diserang ada orang Islam atau tidak ada. Caranya ialah dengan mengintai dengar suara azan. Kalau terdengar suara azan, Baginda mungkin tidak akan menyerangnya lagi. Kerana orang-orang Islam yang dengan bebas dapat melaungkan azan di sesuatu tempat, tentu juga bebas berda'wah di situ. Dalam keadaan ini, perang yang akan menumpahkan darah tidak diperlukan lagi. Mungkin juga ia diserang, tetapi dengan penuh berhati-hati, agar orang-orang yang nyawanya terpelihara tidak menjadi mangsa.

¹¹⁶³ Al-Khamis ialah pasukan tentera yang besar dan lengkap. Ia terdiri daripada lima bahagian, kerana itulah ia dinamakan al-khamis. (1) Pasukan tengah (قلب). (2) Pasukan kanan (ميمنة). (3) Pasukan kiri (ميسرة). (4) Pasukan hadapan (مقدمة) dan (5) Pasukan belakang (ساقة).

¹¹⁶⁴ Rasulullah s.a.w. berkata begini sama ada berpundukan wahyu yang diterima Baginda daripada Allah atau mungkin juga sebagai bertafa'ul dengan apa yang ada di tangan mereka. Sebagaimana sekop, cangkul dan sebagainya digunakan untuk menghancurkan tanah atau meratakan tanah, begitulah hendaknya kedudukan dan keadaan mereka di Khaibar. Hadits ini menunjukkan masa yang dipilih Nabi s.a.w. untuk melancarkan serangan terhadap musuh. Bukan termasuk Sunnah Beliau menyerang mereka pada waktu malam. Rasulullah s.a.w. bagaimanapun lebih banyak berahsia apabila hendak berangkat untuk pergi berperang. Tanpa disedari pihak musuh, Rasulullah s.a.w. tahu-tahu telah sampai kepada mereka. Baginda tidak menggunakan bahasa yang terang, sebaliknya menggunakan bahasa kiasan sebagai mengisyaratkan kepada sesuatu tempat yang hendak ditujui. Seringkali Baginda memulakan perjalanannya mengikut arah tertentu, tetapi setelah berjalan beberapa jauh, arah perjalanan ditukarkan. Semua ini dilakukan Baginda s.a.w. supaya pergerakannya tidak dapat dikesan dan dihidu oleh pihak musuh. Dalam perjalanan untuk menguasai Makkah (فتح مكة), seramai 10,000 orang sahabat ada bersama Rasulullah s.a.w. Ada antara mereka tidak sedar pun tentang maksud sebenar keberangkatan Baginda itu. Orang-orang kafir Mekah pula baru sedar setelah Baginda sudah terlalu hampir kepada mereka. Sedangkan pergerakan manusia seramai itu biasanya tidak tersembunyi kepada orang-orang lalu-lalang di sesuatu jalan. Ketika hendak melancarkan perang terhadap orang-orang Yahudi di Khaibar pula Nabi s.a.w. membawa seramai 15 ribu orang sahabat. Baginda s.a.w. sampai ke Khaibar pada waktu malam. Tiada siapa pun dari kalangan orang-orang Yahudi menyedari tentang keberangkatan Rasulullah s.a.w. bersama bala tentera yang begitu ramai dari Madinah dan seterusnya ketibaan mereka di Khaibar. Pada malam mereka sampai ke Khaibar,

kami, apabila mendatangi kawasan sesuatu kaum, amat buruklah pagi hari yang dialami orang-orang yang diperingatkan tersebut.”¹¹⁶⁵

٧- بَابُ مَا يَقُولُ إِذَا سَمِعَ الْمُنَادِي

7- Bab Apa Yang Diucapkan Ketika Mendengar Suara Mu'azzin.¹¹⁶⁶

orang-orang Yahudi sedang nyenyak tidur di dalam benteng dan kubu yang dikunci rapat oleh mereka. Dan pada pagi keesokannya mereka keluar seperti biasa menuju ke kebun dan ladang masing-masing. Tidak terduga oleh mereka bahawa orang-orang Islam yang dipimpin oleh Nabi mereka sudah pun tiba di pekarangan mereka. Selepas Subuh, Rasulullah s.a.w. terus memecut kudanya dan mengarahkan para sahabat agar memecut kuda masing-masing. Melihat Rasulullah dengan bala tentera yang begitu ramai itu, orang-orang Yahudi lari bertempiaran. Kerana terlalu takut, mereka akhirnya bersembunyi di dalam benteng-benteng dan kubu-kubu mereka yang kukuh. Kuda Abu Thalhah berlari kencang sejajar dengan kuda Rasulullah s.a.w. Anas membonceng di belakang Abu Thalhah. Kedudukan kuda Rasulullah dalam larian itu begitu hampir dengan kuda Abu Thalhah, sehingga kata Anas, kakiku benar-benar telah menyentuh kaki Nabi s.a.w.

¹¹⁶⁵ Bahagian terakhir hadits ini, iaitu فَسَاءَ صَبَاحُ الْمُنْذَرِينَ adalah sebahagian daripada satu ayat al-Qur'an. Ia selengkapnya adalah seperti berikut:

فَإِذَا نَزَلَ بِسَاحَتِهِمْ فَسَاءَ صَبَاحُ الْمُنْذَرِينَ

Bermaksud: Apabila azab itu turun dalam daerah dan kawasan mereka, sudah tentu buruklah pagi hari orang-orang yang tidak mengindahkan amaran yang telah diberikan. (Ash-Shaffaat: 177).

¹¹⁶⁶ Bab ini juga diadakan Bukhari untuk membuktikan kelebihan dan keutamaan azan. Azan tidak seperti ibadat-ibadat lain. Ia perlu disahut dan dijawab. Itulah perintah Nabi s.a.w. Cuma bagaimana cara azan itu disahut dan dijawab? Di dalam hadits-hadits yang dikemukakan di bawah bab ini ada jawapannya. Di dalam hadits 611, jawapannya ialah apa yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. فَقُولُوا مِثْلَ مَا يَقُولُ الْمُنَادِي. Bermaksud: ucaplah (jawablah) seperti apa yang diucapkan mu'azzin. Hadits 612 dan 613 mengemukakan satu contoh jawapan azan oleh salah seorang sahabat Nabi yang terkenal. Di dalam hadits 612, tersebut Saiyyidina Mu'aawiah menjawab seperti apa yang diucapkan oleh mu'azzin setakat ucapan "Asyhadu anna Muhammadar Rasulullah" sahaja. Hadits 613 menjelaskan jawapan Saiyyidina Mu'aawiah terhadap ucapan mu'azzin, 'Hayya 'Alash shalah' (Marilah bershalat). Beliau menjawabnya dengan berkata, 'Laa Haula Wa Laa Quwwata Illaa Billah' (Tidak ada daya dan upaya melainkan dengan izin dan pertolongan Allah). Setelah selesai menjawab semua ucapan azan, beliau berkata, "Demikianlah kami mendengar Nabi kamu mengucapkan." Begitulah jawapan yang dituntut supaya orang yang mendengar azan menjawabnya. Walaupun apa yang tersebut di dalam hadits-hadits 611, 612 dan 613 itu kelihatan tidak lengkap, bagi Bukhari ia sudah memadai. Jawapan yang betul-betul lengkap dapat dilihat di dalam hadits-hadits yang lain pula. Satu lagi perkara yang hendak diketengahkan oleh Bukhari ialah terdapatnya perbedaan pendapat para 'ulama'